

SOALAN LAZIM BORANG P

BAHAGIAN 1 : PERTANYAAN AM

S1 : Bilakah tarikh akhir untuk mengembalikan Borang P 2010?

J1 : Tarikh akhir pengembalian Borang P 2010 ialah pada 30 Jun 2011.

S2 : Perkongsian saya hanya mempunyai pendapatan sewa. Bilakah tarikh akhir penghantaran Borang P, 30 April atau 30 Jun?

J2 : Bagi perkongsian yang hanya mempunyai pendapatan sewa, tarikh akhir penghantaran Borang P masih pada 30 Jun.

S3 : Sekiranya perkongsian saya masih tidak menerima Borang P, bagaimanakah untuk mendapatkan borang tersebut?

J3 : Tuan boleh mendapatkan Borang P di mana – mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang berdekatan atau tuan digalakkan untuk membuat penghantaran secara e-filing.

S4 : Sekiranya perkongsian saya masih tidak menerima Borang P, bolehkan saya muat turun Borang P 2010 dari laman web LHDNM ?

J4 : Mulai tahun taksiran 2010, pembayar cukai tidak boleh menggunakan borang cukai pendapatan yang dimuat turun dari laman web untuk tujuan melaporkan cukai pendapatan. Borang yang dimuat turun hanya sah digunakan untuk rujukan sahaja. Borang P 2010 boleh di dapati dari mana-mana cawangan LHDNM yang berdekatan atau tuan digalakkan untuk membuat penghantaran secara e-filing.

S5 : Bolehkah Borang P fotostat digunakan untuk tujuan penghantaran borang nyata perkongsian?

J5 : Penggunaan borang fotostat adalah tidak dibenarkan kerana borang fotostat adalah tidak sah. Tuan dinasihatkan untuk mendapatkan Borang P di mana-mana cawangan LHDNM berdekatan atau tuan digalakkan untuk membuat penghantaran secara e-filing.

S6 : Bolehkah Borang P dihantar melalui faks memandangkan saya tidak sempat untuk mengepos borang tersebut?

J6 : Tuan tidak dibenarkan menghantar Borang P melalui faks. Sekiranya diterima, akan dianggap sebagai borang tidak sah dan tidak akan diproses. Borang P perlu dikembalikan tidak lewat dari 30 Jun setiap tahun.

S7 : Perkongsian saya menerima dua Borang P untuk Tahun Taksiran yang sama tetapi di bawah nombor rujukan cukai pendapatan yang berlainan. Borang yang mana satukah yang perlu saya isi?

J7 : Tuan perlu menyemak dengan cawangan LHDNM yang mengendalikan fail perkongsian tuan untuk mendapatkan kepastian nombor rujukan perkongsian yang aktif sebelum mengisi dan menghantar borang nyata perkongsian. Sila isi dengan lengkap borang nyata perkongsian dengan nombor rujukan yang aktif sementara borang nyata perkongsian dengan nombor rujukan yang tidak aktif dipulangkan semula dengan menyertakan bersama surat memaklumkan nombor rujukan tersebut adalah bagi fail pendua.

S8 : Di manakah Borang P 2010 perlu dihantar?

J8 : i) Sekiranya borang tersebut dihantar melalui pos ;

Sila kembalikan ke alamat berikut :

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia,
Pusat Pemprosesan,
Aras 10 – 18, Menara C, Persiaran MPAJ,
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah,
Karung Berkunci 11096,
50990 Kuala Lumpur.

ii) Sekiranya hadir sendiri, tuan bolehlah hadir ke Tingkat 12 di alamat seperti di atas untuk membuat serahan.

S9 : Siapakah yang perlu menghantar Borang P sekiranya perkongsian memilih untuk menghantar Borang P melalui e-filing ?

J9 : Borang P hendaklah ditandatangani oleh ahli kongsi utama perkongsian dengan menggunakan kata laluan e-filing individu ahli kongsi utama

tersebut. Sekiranya ahli kongsi utama tidak pernah menggunakan e-filing, beliau perlu mendapatkan nombor PIN e-filing terlebih dahulu. Nombor PIN boleh diperolehi melalui :-

1. Mana-mana cawangan LHDNM yang berhampiran,
2. Emelkan permohonan ke pin@hasil.gov.my. Sila sertakan nombor telefon dan salinan kad pengenalan (muka depan & belakang) untuk warganegara atau salinan pasport untuk bukan warganegara.

Langkah-langkah e-filing akan disertakan bersama-sama dengan nombor PIN tersebut. Tuan dinasihatkan menyimpan dan mengingati kata laluan e-filing untuk tujuan log masuk ke aplikasi e-filing yang seterusnya.

S10 : Bolehkah saya hanya mengisi Borang P di bahagian Butiran Perkongsian dan tandatangan sahaja kemudian menghantar borang tersebut bersama-sama dengan penyata pendapatan perkongsian ?

J10 : Tindakan sedemikian adalah tidak dibenarkan. Borang P tersebut akan dianggap sebagai tidak lengkap dan akan dikembalikan kepada tuan untuk diisi dengan lengkap. Di bawah Sistem Taksir Sendiri, tuan tidak perlu mengemukakan rekod-rekod perniagaan perkongsian. Tuan dikehendaki menyimpan rekod-rekod berkenaan selama 7 tahun bagi tujuan rujukan dan semakan LHDNM sekiranya diperlukan kelak.

S11 : Bagaimanakah saya boleh mengetahui bahawa Borang P bagi perkongsian saya telah diterima oleh LHDNM? Saya bimbang sekiranya borang tersebut tidak diterima dan akan dikenakan penalti.

J11 : Tuan dinasihatkan supaya menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan, LHDNM di talian 03-42893700 untuk mengetahui status penerimaan Borang P perkongsian tuan.

S12 : Sekiranya Borang P perkongsian saya diproses di Pusat Pemprosesan LHDNM, adakah bermakna fail cukai pendapatan perkongsian juga telah dipindahkan ke tempat tersebut?

J12 : Fail cukai pendapatan perkongsian tuan masih lagi dikendalikan di cawangan tuan yang terdahulu. Di bawah Sistem Taksir Sendiri, semua borang nyata akan diproses secara berpusat di Pusat Pemprosesan LHDNM.

S13 : Adakah perkongsian saya akan dikenakan penalti sekiranya menghantar Borang P selepas tarikh 30 Jun?

J13 : Sekiranya berlaku kelewatan dalam mengembalikan semula Borang P kepada LHDNM, tuan boleh didakwa dan jika disabitkan kesalahan, tuan boleh dikenakan denda tidak kurang RM200 dan tidak lebih RM2,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

S14 : Kenapa saya perlu menyimpan rekod-rekod perniagaan perkongsian selama 7 tahun ?

J14 : Rekod, dokumen dan helaian kerja yang digunakan dalam pengiraan cukai perlu disimpan selama tujuh (7) tahun bermula dari akhir tahun dalam mana borang cukai pendapatan dihantar ke LHDNM, untuk tujuan rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

S15 : Apakah tindakan yang akan diambil oleh LHDNM sekiranya saya tidak menyimpan rekod – rekod perniagaan perkongsian saya?

J15 : Tuan boleh didakwa dan jika disabitkan kesalahan, tuan boleh dikenakan denda tidak kurang RM300 dan tidak lebih RM10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

S16 : Selepas menghantar Borang P, saya menyedari bahawa saya telah melaporkan pendapatan perkongsian yang tidak tepat. Perlukah saya mengisi borang yang baru dan hantar semula ke Pusat Pemprosesan?

J16 : Tuan tidak dibenarkan menghantar borang nyata lebih daripada sekali. Walau bagaimanapun, tuan dinasihatkan menghantar surat rayuan yang menyatakan kesilapan yang telah dibuat ke cawangan yang mengendalikan fail tuan.

S17 : Apakah tindakan yang akan diambil sekiranya LHDNM mendapati pendapatan yang dilaporkan di dalam Borang P adalah kurang?

J17 : Taksiran tambahan berserta penalti akan dibangkitkan kepada setiap ahli kongsi.

S18 : Perkongsian saya telah menamatkan perniagaan kira – kira 2 tahun yang lalu tetapi LHDNM masih lagi menghantar Borang P. Perlukah saya mengisi borang tersebut atau saya hanya perlu mengembalikan sahaja borang tersebut?

J18 : Tuan masih perlu melengkapkan borang tersebut dan mengembalikannya kepada LHDNM sebelum/pada tarikh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, tuan boleh memohon secara bertulis berserta alasan yang kukuh kepada cawangan yang mengendalikan fail tuan, supaya tidak lagi mengeluarkan Borang pada masa akan datang.

S19 : Perniagaan perkongsian saya hanyalah secara kecil-kecilan dan tidak pernah menyimpan rekod-rekod perniagaan. Penyata untung rugi pula disediakan berdasarkan anggaran. Bagaimanakah saya mengisi Borang P 2010? Adakah pengiraan saya akan diterima?

J19 : Bagi pengisian Borang P, tuan boleh berpandukan kepada helaian kerja HK-1A, Buku Panduan Borang P sebagai garis panduan. Penentuan sama ada pengiraan tuan akan diterima atau tidak, akan diketahui apabila perkongsian tuan diaudit oleh pegawai LHDNM. Tuan dinasihatkan supaya menyimpan rekod-rekod perniagaan dengan kemas dan teratur mengikut peruntukan seksyen 82 dan 82A, Akta Cukai Pendapatan 1967. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tuan boleh didakwa di mahkamah dan dikenakan denda tidak kurang dari RM300 dan tidak melebihi RM10,000 atau penjara 12 bulan atau kedua-duanya jika sabit kesalahan. (Rujuk Ketetapan Umum Bil 5/2000 (Pindaan) bertarikh 30 Jun 2001). Ketetapan Umum ini boleh diperolehi dari laman web LHDNM di alamat www.hasil.gov.my > Undang-undang dan Peraturan > Ketetapan Umum.

S20 : Di manakah saya boleh mendapatkan Buku Panduan Borang P 2010?

J20 : Tuan boleh melayari laman web LHDNM di www.hasil.gov.my > Borang > pilih kategori “Selain Syarikat & Selain Individu” > Buku Panduan P 2010.

S21 : Bagaimana saya hendak mengetahui mengenai rekod-rekod yang perlu disimpan dan cara menyediakan Penyata Untung Rugi dan Kunci Kira-kira yang betul?

S21 : Tuan boleh berhubung dengan pegawai LHDNM yang bertugas di cawangan LHDNM yang berdekatan untuk mendapatkan khidmat nasihat. Selain itu, tuan juga boleh mendapatkan khidmat dari mana-mana akauntan atau ejen cukai bertauliah.

S22 : Saya telah melakukan sedikit kesilapan semasa mengisi Borang P, bolehkah saya menggunakan pemadam cecair untuk membetulkannya?

J22 : Tuan tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair untuk membuat pembetulan. Sekiranya berlaku kesilapan yang sedemikian tuan hanya perlu memotong kesilapan yang dibuat dan masukkan amaun yang sebenar di atas ruangan tersebut. Kemudian sila tandatangan ringkas di sebelah pembetulan yang dibuat.

BAHAGIAN 2 : PENGISIAN BORANG P

BUTIRAN PERKONGSIAN

S23 : Sekiranya nama perkongsian telah bertukar, bagaimanakah saya hendak mengisi ruangan Nama Perkongsian?

J23 : Jika perkongsian telah bertukar nama, sila catatkan nama perkongsian yang baru manakala nama yang lama dicatat dalam kurungan.

S24 : Apakah maksud asas pembahagian dalam ruangan 5, Borang P?

J24 : Asas pembahagian adalah angka pembawah yang digunakan untuk membahagi keuntungan seperti 2, 3 sehingga 10000. Sila lihat muka surat 2, Nota Penerangan Borang P 2010 untuk penerangan secara terperinci dan contoh-contoh.

S25: Apakah yang dimaksudkan dengan Ketetapan Umum? Apakah kesannya sekiranya saya memilih 1 atau 2?

J25: Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai LHDNM. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah LHDNM berhubung peruntukan tertentu undang – undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya. Tuan boleh menyemak Ketetapan Umum di www.hasil.gov.my. Isikan ‘1’ jika setiap ketetapan dipatuhi. Sekiranya satu atau lebih ketetapan umum tidak dipatuhi, sila pilih 2.

S26: Apakah yang dimaksudkan dengan Penyimpanan Rekod ?

J26: Ini merujuk kepada penyimpanan rekod yang mencukupi seperti dikehendaki dalam peruntukan ACP 1967. Pembayar cukai bertanggungjawab menyimpan semua rekod perniagaan seperti rekod jualan, belian dan stok, rekod perbelanjaan perniagaan, resit, bil-bil, keratan cek dan penyata bank selama 7 tahun untuk tujuan rujukan dan semakan LHDNM sekiranya diperlukan kelak. Isikan “1” jika mematuhi atau “2” jika tidak.

BAHAGIAN A : PENDAPATAN PERNIAGAAN

S27 : Di manakah saya boleh mendapatkan Kod Perniagaan?

J28 : Tuan boleh mendapatkannya dari Lampiran G, Buku Panduan Borang P yang boleh dimuat turun dari laman web www.hasil.gov.my.

S29 : Perkongsian saya mempunyai lebih daripada satu jenis perniagaan, bagaimanakah saya hendak mengisi Bahagian A : Pendapatan Perniagaan?

J29 : Sekiranya perkongsian tuan mempunyai lebih daripada satu perniagaan / perkongsian, sila senaraikan mengikut format seperti Perniagaan 1 / Perkongsian 1 bagi setiap perniagaan / perkongsian dan kemukakan lampiran bersama Borang P.

S30 : Apakah yang dimaksudkan dengan pendapatan/kerugian boleh dibahagikan pada ruangan A2?

J30 : Pendapatan/Kerugian boleh dibahagikan adalah pendapatan perniagaan atau kerugian perniagaan yang boleh dibahagikan kepada ahli kongsi. Sila buat pengiraan dalam Helaian Kerja HK-1A. Masukkan amaun di ruang J ke ruang ini.

S31 : Apakah contoh manfaat ahli kongsi ?

J31 : Contoh manfaat ahli kongsi adalah seperti manfaat kenderaan, gaji, perjalanan, telefon dan lain-lain yang diterima oleh ahli kongsi.

S32 : Saya adalah ahli kongsi utama sebuah perkongsian membawa teks. Di manakah saya perlu melaporkan pendapatan perkongsian, di ruangan A2 atau A10, Borang P 2010, memandangkan terdapat ruangan nombor rujukan 'D' di ruangan A9?

J32 : Tuan perlu melaporkan pendapatan perkongsian di ruangan A2, Borang P 2010. Ruangan A10, Borang P 2010 hanya perlu diisi sekiranya perkongsian merupakan ahli kongsi kepada sebuah perkongsian yang lain. Nombor rujukan perkongsian lain tersebut perlu dimasukkan dalam ruangan A9, Borang P 2010.

S33 : Saya adalah seorang ahli kongsi sebuah perkongsian dan ada menerima gaji daripada perkongsian. Adakah saya perlu melaporkan gaji tersebut dalam Borang B 2010 sebagai pendapatan penggajian?

J33 : Gaji tersebut tidak perlu dilaporkan dalam Borang B 2010 kerana ia telah diambilkira dalam jumlah Pendapatan/Kerugian Larasan Perkongsian di ruangan A3, Borang CP30. Tuan hanya perlu melapor pendapatan berkanun perkongsian di ruangan C4, C5 atau C6, Borang B 2010; yang mana berkenaan. Sila rujuk helaian kerja HK-1B dalam Buku Panduan B 2010 untuk pengiraan pendapatan berkanun perkongsian.

S34: Saya seorang ahli kongsi dalam suatu perkongsian di antara suami dan isteri. Saya tidak pernah membuka fail perkongsian kerana tidak diminta berbuat demikian. Bagaimanakah saya dan isteri melapor pendapatan dari perkongsian dalam Borang B?

J34: Di bawah Sistem Taksir Sendiri tuan diminta mendaftarkan fail cukai pendapatan bagi perkongsian ini. Setelah mendapatkan nombor rujukan fail perkongsian, tuan perlu mengisi dan melengkapkan Borang P 2010 bersama-sama borang CP30. Tuan hanya perlu melapor pendapatan berkanun perkongsian di ruangan C4 Borang B 2010. Sila rujuk helaian kerja HK-1B dalam Buku Panduan B 2010 untuk pengiraan pendapatan berkanun perkongsian.

S35 : Apakah yang dimaksudkan Perniagaan Perintis?

J35 : Perniagaan Perintis ialah perniagaan yang telah memperolehi taraf perintis daripada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Taraf perintis ialah insentif percukaian yang terkandung dalam seksyen 5 hingga seksyen 25 Akta Penggalakan Pelaburan (APP) 1986. Ia memberi pengecualian cukai untuk keseluruhan atau sebahagian pendapatan

perniagaan yang berupa aktiviti digalakkan berhubung dengan pertanian. Sila buat pengiraan dalam Helaian Kerja HK-1F, Buku Panduan Borang P 2010.

S36 : Adakah Bahagian B hingga F, Borang P 2010 perlu diisi?

J36 : Tuan hanya perlu isi jika berkaitan. Jika tidak berkaitan, biarkan kosong.

S37: Sekiranya perkongsian saya mempunyai pendapatan dividen dan saya mempunyai cukai yang perlu dibayar balik selepas mengira cukai saya dalam Borang B, adakah saya perlu menghantarkan baucer dividen asal yang berkenaan?

J37 : Bagi kes seperti di atas, ahli kongsi tidak perlu menyertakan baucar dividen asal semasa menghantar Borang B. Ahli kongsi hanya perlu mengemukakan baucar dividen asal tersebut sekiranya diminta oleh pihak cawangan yang mengendalikan fail cukai pendapatan individu ahli kongsi untuk semakan lanjut sebelum pembayaran balik dilakukan.

S38 : Perlukah saya mengisi ruangan (d) di Bahagian H, memandangkan tarikh masuk perkongsian adalah sama setiap tahun iaitu tarikh asal setiap pekongsi menyertai perkongsian?

J38 : Ruangan (d) di bahagian H merujuk kepada tarikh masuk dan tarikh keluar ahli kongsi daripada perkongsian bagi tahun semasa sahaja. Sekiranya tiada perubahan dalam tahun semasa, tuan tidak perlu mengisi ruangan ini.

S39 : Sekiranya perkongsian saya mempunyai lebih dari satu perniagaan/ perkongsian dan pembahagian pendapatan perkongsian adalah berbeza antara satu sama lain, bagaimanakah saya mengisi Bahagian H dan Bahagian J Borang P 2010?

J39 : Sekiranya perkongsian tuan mempunyai lebih daripada satu perniagaan/perkongsian :

Bahagian H : Sila senaraikan mengikut format seperti di Bahagian H bagi perniagaan/perkongsian kedua dan seterusnya dan kemukakan lampiran bersama Borang P.

Bahagian J : Isikan maklumat bagi Perniagaan Perkongsian yang utama sahaja. Bagi perniagaan-perniagaan yang lain, pendapatan kasar perniagaan perlu dilaporkan di ruangan J8.

S40 : Bagi ruangan pendapatan J8 sehingga J12 Borang P 2010 adakah saya patut melaporkan pendapatan kasar?

J40 : Ya. Tuan perlu melaporkan pendapatan kasar bagi ruangan tersebut.

S41 : Apakah maksud pendapatan lain yang perlu diisi di ruangan J12 Borang P 2010?

J41 : Pendapatan lain di sini bermaksud pendapatan bukan perniagaan yang tidak disenaraikan di ruangan J8 hingga J11 seperti pendapatan sampingan / sambilan atau apa-apa laba atau keuntungan lain yang boleh dikenakan cukai.

S42 : Di manakah hutang lapuk pulih perdagangan perlu dimasukkan di dalam Bahagian J, Borang P 2010?

J42 : **Hutang lapuk pulih perdagangan** merupakan pendapatan kasar perniagaan dan ia seharusnya dilaporkan sebagai perolehan atau jualan di ruangan J2, Borang P. Hutang lapuk pulih bagi perniagaan lain hendaklah dilaporkan bersama-sama dengan pendapatan kasar perniagaan tersebut di ruangan J8.

S43 : Apakah jenis faedah yang dimaksudkan di dalam ruangan J14, Borang P 2010?

J43 : Ruangan J14, Borang P merujuk kepada perbelanjaan faedah pinjaman yang dilakukan seperti pinjaman bank atau pinjaman jangka masa yang **TIDAK** termasuk faedah sewa beli dan faedah pajakan.

S44 : Apakah perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak boleh dibenarkan di dalam mengira pendapatan larasan perkongsian daripada mana-mana punca pendapatan mengikut undang-undang percukaian?

J44 : Seksyen 33 Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan semua perbelanjaan yang dibelanjakan semata-mata dan kesemuanya untuk menghasilkan pendapatan kasar seseorang adalah dibenarkan. Walau

bagaimanapun, jenis-jenis perbelanjaan yang tidak dibenarkan telah dinyatakan dalam Seksyen 39, Akta Cukai Pendapatan 1967, antaranya:

- ◆ Perbelanjaan peribadi dan domestik dalam apa jua bentuk. Ini adalah termasuk manfaat-manfaat yang diterima oleh setiap ahli kongsi.
- ◆ Belanja modal seperti belanja membeli aset.
- ◆ Perbelanjaan yang tidak kesemua dan semata-matanya dibelanjakan untuk menghasilkan pendapatan kasar seperti derma, perbelanjaan guaman berhubung dengan perolehan aset atau untuk urusan peribadi dan denda atas kesalahan melanggar undang-undang termasuk denda dan perbelanjaan rayuan cukai pendapatan.
- ◆ Perbelanjaan keraian yang tidak dibelanjakan dalam menghasilkan pendapatan, contohnya perbelanjaan keraian kepada pelanggan yang berpotensi.
- ◆ Belanja yang merupakan suatu peruntukan kerana ia tidak dibelanjakan, kecuali peruntukan hutang lapuk berhubung dengan dagangan secara spesifik di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

** Sila rujuk helaian kerja HK-1A atau HK-1F (Amaun F1) pada Buku Panduan P 2010 di laman web Hasil.

S45 : Apakah maksud “Pendahuluan” di ruangan J48, Borang P 2010?

J45 : Ia bermaksud modal tambahan yang dilakukan dalam tahun semasa.

S46 : Merujuk kepada bahagian Akuan, siapakah yang seharusnya menandatangani ruangan tersebut?

J46 : Bahagian tersebut boleh ditandatangani oleh ahli kongsi utama atau ahli-ahli kongsi yang lain.

S47 : Jika Borang P 2010 ini disediakan oleh ejen cukai yang dilantik oleh perkongsian saya, adakah saya masih perlu untuk mengisi dan menandatangani di bahagian Akuan?

J47 : Ya. Tuan masih dikehendaki mengisi dan menandatangani bahagian akuan sebagai pengesahan ke atas maklumat yang perkongsian tuan isytiharkan di dalam Borang P. Manakala ejen cukai tuan akan mengisi dan menandatangani bahagian “Maklumat Firma Dan Tandatangan Orang Yang Menyediakan Borang Nyata Ini” .

S48 : Bolehkah Borang P ditandatangani oleh wakil perkongsian saya sekiranya semua ahli kongsi berada di luar negara sehingga tarikh akhir penghantaran borang P?

J48 : Sekiranya kongsi utama atau mana-mana ahli kongsi tidak dapat menandatangani Bahagian Akuan disebabkan berada di luar negara atau kecemasan lain, Borang P boleh ditandatangani oleh wakil perkongsian. Walau bagaimanapun sila maklum, wakil yang menandatangani borang tersebut juga akan bertanggungjawab ke atas maklumat dalam borang yang dihantar.

SOALAN BERKAITAN CP30

S49 : Adakah CP30 perlu dihantar bersama Borang P 2010?

J49 : CP30 tidak perlu dihantar. Kongsi utama bertanggungjawab mengisi Borang P serta mengeluarkan Borang CP30 kepada setiap ahli kongsi. Sila ceraikan Borang CP30 daripada Borang P dan gunakannya sebagai contoh untuk menyediakan Borang CP30 yang berasingan bagi setiap ahli kongsi.

S50 : Kepada siapa CP30 perlu dikeluarkan?

J50 : Kongsi utama bertanggungjawab mengisi Borang P serta mengeluarkan Borang CP30 kepada setiap ahli kongsi di dalam perkongsian. CP30 akan digunakan oleh setiap ahli kongsi untuk melaporkan pendapatan perkongsian di dalam Borang B masing-masing.

S51 : Sekiranya terdapat pindaan pengiraan dalam Borang P 2010, adakah Borang CP30 juga perlu dipinda?

J51 : Ya. Jika terdapat pindaan pengiraan pada Borang P, kongsi utama bertanggungjawab mengeluarkan Borang CP30 (Pindaan) kepada setiap ahli kongsi untuk memaklumkan perubahan dalam pengagihan pendapatan perkongsian. Sila nyatakan pindaan pertama, kedua atau seterusnya pada ruangan no.6 CP30 (pindaan) tersebut.

S52 : Perkongsian saya mempunyai lebih daripada satu jenis perniagaan, bagaimanakah saya mengisi Borang CP30?

J52 : Sekiranya perkongsian tuan mempunyai lebih daripada satu perniagaan/perkongsian, sila senaraikan mengikut format seperti Perniagaan 1/Perkongsian 1 pada Borang CP30 bagi setiap perniagaan/perkongsian kedua dan seterusnya dan kemukakan kepada setiap ahli kongsi. CP30 hendaklah dikeluarkan bagi setiap jenis perniagaan/ perkongsian dengan menulis format seperti perniagaan/ perkongsian 1 pada CP30 tersebut.

S53 : Saya telah tersilap mengisi CP30 yang asal terlebih dahulu sebelum membuat salinan CP30 yang kosong untuk setiap perkongsian, bagaimanakah saya boleh mendapatkan CP30 yang baru?

J53 : Tuan boleh mendapatkan CP30 yang baru dengan memuat turun dari laman web Hasil di www.hasil.gov.my > Borang > Kategori > Selain Syarikat dan Individu > Tahun Taksiran > Borang P

Disediakan oleh	:	Unit 4, Pusat Khidmat Pelanggan Jabatan Khidmat Korporat
Pindaan sehingga	:	Akta Kewangan 2010 (Akta 702)
Tarikh	:	28 Februari 2011